



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

“KERATAN AKHBAR KESUMA”

RABU
18 SEPTEMBER 2024



KEMENTERIAN
SUMBER MANUSIA

Akhbar	Utusan Malaysia
Tarikh	18 September 2024
Ruang	Utusan Pelajar
Muka Surat	25

Pamerkan bakat muda TVET dalam Worldskills Competition Lyon 2024

Oleh MOHAMMAD RIZAN
HASSAN

utusapelajar@mediamulia.com.my

SEKALUNG penghargaan dan penghormatan kepada seramai 15 bakat pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET) di bawah Kementerian Pelajaran. Penyertaan Worldskills Competition (WSC) Lyon 2024 bertujuan meningkatkan kemahiran dalam bidang TVET sepanjang pertandingan tersebut yang diadakan di Lyon, Perancis pada 10 hingga 15 September lalu.

Kejayaan mereka menampakkan keberadaan Malaysia di peringkat dunia dalam membangunkan dan melahirkan tenaga berkemahiran berkelas dunia.

WSC yang dianjurkan secara dwitahunan menyediakan pelantar (platform) untuk individu muda menunjukkan kemahiran dan bakat mereka dalam pelbagai bidang teknikal dan vokasional.

Penyertaan Malaysia ke WSC adalah relevan dan membolehkan kerajaan melalui 12 kementerian yang melaksanakan TVET membantu bakat muda tempatan bersinar dan cemerlang dalam laluan kerjaya pilihan mereka.

Dalam dunia yang serba pantas dan kompetitif hari ini, TVET telah mendapat kepentingan yang ketara.

TVET melengkapkan individu dengan kemahiran dan pengetahuan praktikal yang diperlukan untuk berjaya dalam pelbagai industri, daripada automotif hingga seni kulinari. Salah satu cara untuk bakat muda TVET mempamerkan bakat mereka dan bersaing di pentas global ialah melalui WSC.

WSC ialah pertandingan kemahiran vokasional terbesar di dunia yang diadakan setiap dua tahun sekali, melibatkan bakat berkemahiran muda dari seluruh dunia berkumpul untuk bersaing dalam lebih 50 kategori kemahiran yang berbeza. Acara berprestij tersebut bukan sahaja meraikan kecermerlangan dalam bidang ketukangan tetapi juga memberi peluang kepada peserta untuk menjalin rangkaian, belajar

Ia membolehkan mereka menolak sempadan di yang ada, menguji kemahiran mereka terhadap yang terbaik di dunia, dan memperoleh pengalaman tidak ternilai yang membezakan mereka dalam pasaran kerja.

antara satu sama lain, dan mendapat pengiktirafan antarabangsa.

Menyertai WSC boleh menjadi perjalanan transformatif untuk bakat muda TVET.

Ia membolehkan mereka menguji kemahiran dan memperoleh pengalaman tidak ternilai yang membezakan mereka dalam pasaran kerja.

Pertandingan tersebut terdiri daripada tugas praktikal yang mempamerkan kebolehan peserta dalam bidang masing-masing, seperti robotik, reka bentuk grafik, dandan rambut, dan banyak lagi.

Selain itu, menerusi WSC, bakat muda TVET boleh membina keyakinan, meningkatkan kemahiran menyelesaikan masalah mereka dan memupuk semangat kerja berpasukan.

Tekanan bersaing di pentas global mencabar para peserta menunjukkan prestasi terbaik mereka, yang membawa kepada pertumbuhan peribadi dan peningkatan diri.

Maklum balas dan bimbingan yang diterima daripada hakim pakar juga boleh membantu peserta memperkeras kemahiran mereka dan berusaha untuk kecermerlangan.

WSC bukan sahaja menonjolkan bakat pelajar muda dalam bidang TVET, tetapi meningkatkan kesedaran tentang kepentingan pendidikan berkewajiman.

Dengan mempamerkan pelbagai kemahiran dan kerjaya yang terdapat dalam TVET, pertandingan tersebut memberi inspirasi kepada individu muda untuk meneruskan minat mereka dan mempertimbangkan kerjaya dalam bidang praktikal atau *hands-on*.

Ini membantu memecahkan stereotaip dan salah tanggapan tentang pendidikan TVET dan menggalakkan lebih ramai pelajar untuk meneroka peluang yang ada dalam sektor berkenaan.

Tambahan pula, penyertaan dalam WSC boleh membuka pintu kepada prospek kerjaya yang menarik untuk bakat muda TVET.

Syarikat dan industri menghargai kemahiran dan kepakaran yang ditunjukkan oleh peserta, menjadikan mereka sangat dicari dalam pasaran kerja.

Memenangi pingat atau menerima pengiktirafan pada pertandingan itu boleh meningkatkan profil profesional seseorang dengan ketara dan meningkatkan peluang pekerjaan di peringkat tempatan dan global.

Harus juga difahami bahawa WSC adalah acara utama yang berfungsi sebagai platform penting untuk individu melalui pengalaman teknologi paling canggih dan inovasi berteknologi tinggi dari seluruh dunia.

Peserta berpeluang untuk melibatkan diri dalam pelbagai kemajuan teknologi, daripada kecerdasan buatan dan robotik kepada keselamatan siber dan realiti maya.

Pengalaman mendalam ini bukan sahaja meluaskan pengetahuan tetapi menyemarakkan semangat mereka untuk meneruskan kerjaya dalam bidang dinamik ini.

Salah satu sorotan utama WSC ialah penekanan pada kemahiran praktikal atau *hands-on*.

Peserta dikehendaki menunjukkan kecekapan mereka dalam senario dunia sebenar, yang bukan sahaja menguji kebolehan teknikal tetapi juga mengasas kemahiran menyelesaikan masalah dan kreativiti.

Gaji minimum beri kesan sederhana sektor ladang

Peningkatan produktiviti dijangka mampu imbangi kesan negatif kenaikan kadar upah

Oleh Alzahrin Alias
zahrin@bh.com.my

Cadangan kenaikan gaji minimum daripada RM1,500 kepada RM1,700 yang dijangka dibentangkan oleh Kementerian Sumber Manusia bakal memberi kesan yang sederhana kepada sektor perlادangan, khususnya dalam kos pengeluaran, demikian mengikut penganalisis.

Public Investment Bank dalam nota penyelidikannya berkata, berdasarkan maklumat dari sumber industri, kos operasi syarikat perladangan tempatan dijangka meningkat sehingga 3.0 peratus

ekoran kenaikan itu.

“Walaupun begitu, unjuran keseluruhan sektor masih dikekalkan pada tahap neutral dengan harga minyak sawit mentah (CPO) dianggarkan sekitar RM3,800 per tan sepanjang tahun,” katanya.

Cadangan kenaikan gaji minimum kepada RM1,700 dijangka dibentangkan dalam Belanjawan 2025.

Kenaikan berkenaan lebih rendah daripada jangkaan awal iaitu antara RM1,700 hingga RM1,800, memberikan sedikit keleegan kepada majikan.

Sebelum ini, kenaikan gaji minimum daripada RM1,200 kepada RM1,500 dilaksanakan pada Mei 2022, menunjukkan komitmen kerajaan untuk meningkatkan taraf hidup pekerja.

Kenaikan gaji ini dijangka memacu pelaburan dalam automasi di sektor perladangan, dengan syarikat mula menumpukan kepada pengurangan bilangan pekerja melalui teknologi.

“Penggunaan alat robotik, dron dan mesin khas dapat menggantikan kerja manual dengan lebih efisien.

“Selain itu, automasi ini akan membantu mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing, yang kuota masih dibebukuan,” kata bank pelaburan itu.

Upah berdasarkan prestasi

Dalam usaha mengurangkan impak kenaikan gaji, beberapa syarikat perladangan mula beralih kepada sistem upah berdasarkan prestasi, demikian menurutnya lagi.

Pendekatan berkenaan, katanya, bukan sahaja akan membantu syarikat mengekalkan produktiviti, tetapi juga memberikan ganjaran yang setimpal dengan usaha pekerja.

“Ini juga dilihat sebagai strategi jangka panjang untuk meningkatkan keberkesanan tenaga kerja dalam sektor perladangan yang sangat bergantung kepada tenaga manusia,” kata Public Investment.

Sektor minyak sawit, yang menjadi sektor intensif tenaga buruh dan mengambil hampir setengah juta pekerja, dijangka melihat sedikit peningkatan dalam kos operasi.

“Berdasarkan semakan saluran kami, kos operasi syarikat tempatan berpotensi meningkat sehingga 3.0 peratus, dengan pekerja am yang berpendapatan sekitar RM1,500 membentuk antara 15 hingga 20 peratus daripada jumlah tenaga kerja,” katanya.

Meskipun kenaikan kos operasi tidak dapat dielakkan, peningkatan produktiviti mungkin mampu mengimbangi kesan negatif daripada kenaikan gaji.

Malaysia mencatatkan peningkatan hasil tandan buah segar (FFB) sebanyak 12 peratus dalam tempoh lapan bulan pertama tahun ini, dengan jangkaan pengeluaran tahunan hampir 17 juta metrik tan berbanding 15.79 juta metrik tan pada tahun 2023.

Secara keseluruhan, bank pelaburan itu menyimpulkan, walaupun kenaikan gaji minimum memberi impak kepada kos operasi sektor perladangan, langkah berkenaan berpotensi mempercepatkan inovasi dan meningkatkan produktiviti yang akhirnya dapat mempermudah perkembangan positif dalam sektor minyak sawit negara.





KEMENTERIAN
SUMBER MANUSIA

Akbar	Berita Harian
Tarikh	18 September 2024
Ruang	Bisnes
Muka Surat	23

Harian

Metro

Oleh Sri Ayu
Kartika Amri
kartika@mediapri-
ma.com.my

Kuala Lumpur

Eastern International Academy (EIA) menyasarkan kira-kira 1,500 graduan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) berkemahiran tinggi bagi memenuhi permintaan pasaran pekerjaan dalam pelbagai sektor.

Penggasasnya, Datuk Wan Noor Akyilah Wan Shapuddin berkata, pihaknya optimis jumlah itu dapat dicapai menerusi memorandum perjanjian persefahaman (MoU) yang dilaksanakan bersama Kuala Lumpur Business & TVET Institute (KLTVET) dan Ombak International Academy (OIA).

Katanya, MoU itu menandakan permulaan usaha strategik untuk memperkasakan TVET di negara ini, sekali gun melahirkan lebih ramai tenaga mahir bagi memenuhi permintaan pasaran kerja tempatan dan antarabangsa.

"Kami komited untuk terus bersaing di persada pendidikan TVET dan majukan bidang ini ke tahap lebih tinggi."

"Kami juga berharap MoU ini akan memperkukuh kedudukan industri pendidikan TVET di negara kita, setanding dengan pusat pendidikan vokasional antarabangsa," katanya di majlis menandatangani MoU di sini, semalam.

Hadir sama, Timbalan Menteri Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri



Meriah kunjungan ramai

PESERTA mengunjungi reraui pada Majlis Perasmian Pameran Halal Antarabangsa Malaysia (Mihas) 2024 di Pusat Pameran dan Dagangan Antarabangsa Malaysia (Mitec) Kuala Lumpur. - Gambar NSTP/ASWADI ALIAS

KOLABORASI EIA DENGAN KLTVET, OIA

Sasar 1,500 graduan TVET

Shamsul Anuar Nasarah; Pengurus KLTVET, Prof Madya Dr Mohamad Ridzuan Zamry dan Pengasas OIA, Datuk Zulkifli Mond Sharif.

Wan Noor Akyilah berkata, EIA meneckankan usaha peningkatan kemahiran dan latihan semula melalui program TVET.

"Kami menyediakan infrastruktur moden serta tenaga pengajar bertauliah bagi memastikan dasar TVET sehingga 2030 ter-



capai," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, kerjasama EIA dengan KLTVET dan universiti luar negara seperti Alzette University, juga

membolehkan graduan dari peringkat Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) hingga diploma lanjutan TVET dapat melanjutkan pengajian ke tahap lebih tinggi.

"Kami juga berharap MoU ini akan memperkuuh kedudukan industri pendidikan TVET di negara kita, setanding dengan pusat pendidikan vokasional antarabangsa"

Wan Noor Akyilah

Sementara itu, Shamsul Anuar berkata, graduan TVET memainkan peranan penting dalam meningkatkan peluang pekerjaan di negara ini.

"Ini adalah dasar yang signifikan kerana melalui TVET, kita mampu membentuk sekumpulan tenaga kerja berkemahiran tinggi."

"Dengan tenaga mahir ini, kita dapat memenuhi keperluan pelbagai sektor, termasuk sektor perladaan," katanya.